

## Lampiran Penerangan Produk

### Insurans MY Home – Seksyen A

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada [Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM](#) atau hubungi [Chubb Insurance Malaysia Berhad](#) atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

#### Pelanggan sekian,

Lampiran Penerangan Produk (Lampiran) ini direka untuk memberi anda dengan beberapa maklumat utama mengenai insurans MY Home.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran ini dan mendapati ia berguna; **anda juga patut membacanya.**

#### 1. Apakah Insurans MY Home ini?

Polisi ini memberi perlindungan kepada harta anda dan melindungi kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, letupan, banjir, paip pecah atau oleh apa-apa peril yang dinyatakan dalam polisi insurans.

#### 2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 450.00** [premium asas setahun], anda akan menerima **perlindungan** Insurans MY Home berikut:

Polisi ini <b>melindungi</b> :	Polisi ini <b>mengecualikan</b> :
<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerugian atau kerosakan bangunan dan isi rumah anda yang disebabkan oleh kebakaran, kilat dan letupan yang berpunca daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik</li> <li>Kerugian atau kerosakan bangunan anda yang disebabkan oleh pesawat udara, kenderaan di jalan raya atau binatang, melimpahnya tangki, peralatan atau paip air, kecurian, ribut angin, gempa bumi dan banjir</li> <li>Kehilangan sewa</li> <li>Liabiliti kepada pihak ketiga akibat kecacatan atau kemalangan yang berlaku di dalam bangunan</li> </ul> <p>Selain itu, apabila membeli perlindungan bagi kandungan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pemindahsementara kandungan dari bangunan</li> <li>Cermin pecah</li> <li>Pampasan kematian di dalam bangunan akibat kebakaran atau kecurian</li> <li>Kerugian / kerosakan kepada barangan peribadi kakitangan rumah anda yang tinggal di dalam bangunan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerugian / keroakan akibat mendapan tanah, tanah runtuh, rusuhan dan kerosakan jahat</li> <li>Kecurian bangunan yang ditinggalkan tidak didiami melebihi 90 hari</li> <li>Kerugian / kerosakan data atau perisian</li> <li>Sebarang tindakan keganasan / terorisme</li> <li>Kerosakan kepada harta akibat perintah kerajaan atau pihak berkuasa awam, majlis perbandaran atau pihak berkuasa tempatan</li> <li>Kerugian turutan</li> </ul>
<p>Anda boleh menambahkan perlindungan ke atas risiko berikut dengan membayar <b>premium tambahan</b>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Penambahan had untuk Perlindungan Sewa</li> <li>Penambahan had untuk Liabiliti kepada Awam</li> <li>Rusuhan, Mogok, dan Kerosakan Niat Jahat</li> <li>Penenggelaman dan Gelinciran Tanah</li> <li>Kerosakan kepada bangunan atau kandungan anda akibat kenderaan milik anda sendiri</li> <li>Kerosakan akibat pokok atau dahan yang tumbang serta objek yang terhasil daripadanya</li> <li>Pengusiran / Pembuangan Runtuhan</li> <li>Yuran arkitek, jurukur dan perunding</li> <li>Fasal Pemegang Gadaian dan Klausa tidak boleh dibatalkan</li> </ul> <p>Berlaku hanya untuk perlindungan bangunan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kerosakan kepada barangan dan perabot untuk tuan rumah sekiranya anda menyewakan bangunan</li> <li>Kerosakkan pada cermin kecuali cermin tangan</li> </ul>	

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerosakan yang disebabkan oleh taufan, siklon, rebut tropika atau rebut angin ke atas cerobong logam, kanopi, bidai, papan tanda dan kelengkapan serta pemasangan luar lain termasuk pintu pagar dan pagar</li> <li>• Pengubahan, pembaikan dan penambahan</li> </ul> Berlaku hanya untuk perlindungan kandungan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Perlindungan kecurian lanjutan, kecuali kecurian oleh kakitangan rumah atau ahli keluarga</li> <li>• Perlindungan kecurian lanjutan termasuk kecurian oleh kakitangan rumah</li> </ul>
Tempoh perlindungan ialah selama setahun. Anda dikehendaki membaharui polisi insurans anda setiap tahun.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai insurans MY Home, sila:  
 Hubungi Kami di: 603-2058 3000  
 Lawati Kami di: <https://www.chubb.com/my-en/contact-us/product-enquiry.html>  
 Emel Kami di: [Inquiries.MY@chubb.com](mailto:Inquiries.MY@chubb.com)

### 3. Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar bergantung pada polisi insurans ini :	
Perlindungan Standard:	RM 450.00 setahun
• Bangunan	
• Kandungan (Jumlah Diinsuranskan RM100,000.00)	RM 338.00 setahun
Perlindungan Tambahan untuk:	RM 50.00 setahun
• Kerosakan akibat Taufan dan Ribut	
• Rusuhan, Mogok, dan Kerosakan Berniat Jahat	RM 60.00 setahun
<b>Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:</b>	
Duti setem	RM 10.00
Komisen	15% daripada premium asas stau RM 134.70
Cukai perkhidmatan	8% daripada premium atau RM 71.84
<b>Jumlah premium perlu dibayar</b>	<b>RM 979.84</b>

### 4. Terma-terma Lain

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Anda mesti memberikan semua fakta dalam borang permohonan anda dengan lengkap dan tepat.</li> <li>• Anda harus memastikan harta anda diinsuranskan pada amaun yang berpatutan dengan mengambil kira pengubahsuaian yang dilakukan pada harta tersebut. Jumlah yang diinsuranskan/dilindungi hendaklah menampung kos pembinaan semula harta tersebut sekiranya berlaku kerugian/kerosakan.</li> <li>• Berlebihan – Jumlah yang perlu anda tanggung sendiri sekiranya berlaku tuntutan bagi risiko tertentu seperti pecah atau limpahan tangka air atau paip, mendapan tanah, gelinciran tanah, taufan atau rebut angin. Jumlah lebihan ini dinyatakan dalam Jadual Polisi.</li> <li>• Warranti Premium – Premium yang perlu dibayar mestilah dijelaskan dan diterima oleh kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan polisi. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, polisi akan dibatalkan secara automatik dan kami berhak mengenakan premium secara pro-rata bagi tempoh perlindungan yang telah diberikan.</li> <li>• Sekiranya berlaku tuntutan, anda perlu memaklumkan kami dengan segera secara bertulis tentang sebarang kerugian atau kerosakan dan mengemukakan tuntutan secara bertulis dengan butiran terperinci dan bukti dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas kejadian kehilangan dan kerosakan.</li> </ul> <p><b>Nota:</b> Senarai di atas <b>tidak lengkap</b>. Sila rujuk kepada keterangan polisi untuk senarai terma dan syarat penuh.</p>
---

### 5. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Ya. Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapatkan bayaran balik premium jika tiada tuntutan ditanggung sebelum pembatalan.